



Pendidikan Moral Tahun 6

Tajuk: 1.1 Melaksanakan Ajaran Agama dan Kepercayaan.

Disediakan oleh: Cikgu Norizatul Asma
SK Segari, Lumut Perak

A. Padankan cara yang betul untuk menyatakan cara melaksanakan ajaran agama dengan berkesan.

a) Manusia telah dicipta sebagai lelaki dan perempuan, pelbagai bangsa supaya saling mengenali dan beramah mesra.

Ranjini hanya tersenyum mendengar rakan-rakannya berbual.

b) Berfikir dahulu sebelum berbuat sesuatu dan berkata-kata. Adakah perbuatan itu mendapatkan mudarat atau tidak.

Selva memberikan makanan kepada seorang pengemis.

c) Hidup dalam suasana yang sejahtera dan penuh dengan kasih sayang.

Laila, Linda dan Mei Ling makan sambal berbual-bual di kantin.

d) Lebih baik diam daripada menuturkan kata-kata yang tidak berfaedah.

Ramli dan Selvi cuba meleraikan pergaduhan adik-beradik mereka.

B. Tuliskan **BETUL** atau **SALAH** bagi pernyataan berikut:

1) Rakyat Malaysia amat prihatin terhadap nasib yang menimpa penduduk Gaza yang terjejas akibat peperangan.

2) Masa depan sesebuah negara pasti akan terjejas jika rakyatnya sering memberi dan menerima rasuah.

3) Setiap agama melarang ibu bapa bersikap pilih kasih antara anak-anak.

4) Malaysia merupakan sebuah negara yang tidak pernah mengalami masalah gejala sosial.

5) Setiap agama menggalakkan penganutnya bermusuhan antara satu sama lain.

6) Setiap agama mementingkan hidup sejahtera. Penganutnya diajar untuk menyayangi semua orang.

7) Norlia menyediakan makanan berasaskan daging lembu untuk rakannya yang beragama Hindu.

8) Ranjit membawa anak jirannya yang terjatuh ke rumahnya untuk merawat luka pada kakinya.

C. Lengkapi tempat kosong dengan jawapan yang sesuai.

bersangka baik

keharmonian

harga diri

bersyukur

Undang-undang

bertanggungjawab

persaudaraan

percakapan

1. Ravinder mematuhi ajaran agamanya agar sentiasa _____ terhadap semua orang.
2. Lee Kiat berpegang pada ajaran agamanya sentiasa menjaga _____ semasa berinteraksi agar tidak menyinggung perasaan orang lain.
3. Kita sepatutnya selalu berasa _____ kerana dapat hidup di bumi Malaysia yang aman dan sejahtera.
4. Pemimpin yang _____ tidak akan mendedahkan rahsia negara kepada negara luar.
5. Apabila rakyat pelbagai agama dapat mengekalkan perpaduan, maka _____ negara akan terpelihara.
6. _____ yang dilaksanakan dapat mengekang perbuatan salah laku dalam negara kita.
7. Murid yang mempunyai _____ yang tinggi akan sentiasa menjaga adab dan perbuatannya.
8. Semua orang haruslah mementingkan _____ agama dan kepercayaan dengan saling menghormati antara satu dengan yang lain.